



## LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

### IKLAN:

Ruj.: Bil. (1) I / AKUAKULTUR / 2019

### PELAWAAN PERMOHONAN PAJAKAN TANAH KOSONG DI KAWASAN AKUAKULTUR, MUKIM TANJUNG SURAT, KOTA TINGGI, JOHOR.

---

#### 1.0 MAKLUMAT AM

1.1 Lokasi/No. Plot/Keluasan (ekar)

BIL	LOKASI	NO. PLOT	KELUASAN (EKAR)
1	Sungai Lebam	PTD 1342 HS (D)13607	50.00
2	Sungai Lebam	PTD 1318 HS(D) 14182	20.00
3	Sungai Papan	PTD 406 HS (D) 7994	32.75

1.2 Lokasi adalah sebagaimana bertanda merah dalam pelan di **LAMPIRAN 1**.

#### 2.0 SYARAT-SYARAT DAN BAYARAN-BAYARAN

2.1 Permohonan adalah dibuka kepada pemohon **SYARIKAT** bertaraf Bumiputera / Bukan Bumiputera;

2.2 Tempoh pajakan tanah akuakultur adalah selama **tiga puluh (30) tahun**;

2.3 Kadar bayaran pajakan tanah adalah sebanyak **RM14,000.00/ekar/30 tahun** sepertimana berikut;

BIL	NO TANAH	BAYARAN PAJAKAN (RM)
1	PTD 1342 HS (D) 13607	RM700,000.00
2	PTD 1318 HS(D) 14182	RM280,000.00
3	PTD 406 HS (D) 7994	RM458,500.00

- 2.4 Kadar bayaran premium iaitu bayaran Notis 5A Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 perlu dijelaskan oleh pihak syarikat kepada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) sepertimana berikut;

BIL	NO. TANAH	BAYARAN PREMIUM (RM)
1.	PTD 1342 HS (D) 13607	RM26,613.00
2.	PTD 1318 HS(D) 14182	RM10,785.00
3.	PTD 406 HS (D) 7994	RM17,502.00

- 2.5 Bayaran cukai tanah perlu dijelaskan oleh pihak syarikat di Pejabat Tanah Daerah Kecil Pengerang, Johor atau pembayaran boleh dibuat secara On-Line (Sila layari JOHOR E-PAYMENT PORTAL), tunai, kad kredit / debit tempatan, cek, bank deraf, kiriman wang atau wang pos keatas nama **PENTADBIR TANAH** (di mana pembayaran dibuat) sebelum 31 Mei setiap tahun bermula dari pendaftaran hakmilik diperolehi;
- 2.6 Pihak Syarikat hendaklah melantik sendiri Jurukur Berlesen bagi tujuan kerja-kerja ukur dan pendaftaran hakmilik serta menanggung kos tersebut sepenuhnya;
- 2.7 Lain-lain Bayaran iaitu bagi kos 'endorsan' dan perjanjian pajakan adalah perlu ditanggung oleh pihak syarikat;
- 2.8 Tanah yang terkandung dalam hakmilik hendaklah digunakan sebagai tapak akualkultur sahaja. Aktiviti selain daripada ternakair adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali dan sebarang pertukaran syarat guna tanah adalah perlu mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada pihak KEJORA.

### **3.0 PERMOHONAN**

- 3.1 Permohonan adalah perlu dikemukakan melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi secara percuma melalui muat turun di laman web KEJORA : [www.kejora.gov.my](http://www.kejora.gov.my) atau di alamat berikut:

**BAHAGIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI,  
LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA,  
BANGUNAN IBUPEJABAT KEJORA,  
JALAN DATO' HJ. HASSAN YUNUS,  
BANDAR PENAWAR,  
81930 BANDAR PENAWAR,  
JOHOR.**

- 3.2 Permohonan yang lengkap perlulah dikembalikan kepada alamat diatas.
- 3.3 Tarikh tutup permohonan adalah pada **23 DISEMBER 2019**.

Sekian, terima kasih.

Pengurus Pertanian dan Industri Asas Tani,  
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara,  
b.p. Pengurus Besar KEJORA

**Tarikh Iklan : 24 NOVEMBER 2019**